

# Kerajaan terbuka bincang peruntukan tambahan kepada Sabah

**Kuala Lumpur:** Kerajaan terbuka untuk berbincang mengenai peruntukan tambahan kerajaan Persekutuan kepada Sabah, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri menjelaskan, peruntukan RM16 bilion kepada Sabah yang diumumkan pada Pesta Kaamatan, 31 Mei lalu adalah bagi tujuan pembangunan sahaja.

"Ahli Parlimen Beluran, Datuk Seri Ronald Khande ini mantan menteri, Timbalan Speaker, balah, apa yang tak fahamnya.

"Kalau nak minta lagi, bincang secara elok, saya dah terangkan," katanya ketika ditemui di Medan Selera Tanglin, di sini semalam.

Beliau berkata demikian ketika mengulas kenyataan Ronald yang menyifatkan Anwar mengelirukan rakyat tentang peruntukan kerajaan Persekutuan kepada Sabah kerana tidak mengambil kira bahawa Sabah berhak mendapat tambahan 40 peratus daripada hasil Persekutuan dan cukai yang diperoleh dari negeri itu.

Anwar menyelar semula kenyataan Ronald dengan menegaskan bahawa isu peruntukan itu tidak seharusnya dipolitikkan.

"Kita boleh beri, tapi nak jadi *champion* (juara), dulu tidak pula, sekarang oleh kerana dekat PRN (Pilihan Raya Negeri) Sabah main sentimen tu, jadi macam mana orang Johor rasa, Sarawak rasa, Kelantan rasa, jadi kongsilah se-

cara adil. Ada peruntukannya (masing-masing). Kita bantu.

"Dalam politik tak apa, tapi mencerca itu tak betul, tipu kenyataan, ini politik apa," tambahnya.

Anwar menegaskan beliau terbuka menerima segala teguran, malah kerajaan sekarang sudah melaksanakan pelbagai perkara di Sabah.

"Jangan jadi politik picisan,

cuba meraih padahal semasa ada kuasa dulu kamu diam, kamu ikut sahaja. Mana dia MA63 masa kamu berkuasa? Sekarang kita bincang, laksanakan sebanyaknya - kuasa, tenaga, pendidikan, kesihatan, tambahan peruntukan, semua sekarang. Itu pun tak masuk beberapa hal lagi seperti (lebu raya) Pan Borneo dan beberapa projek yang lain...saya nak tanya masa dia berkuasa dia

buat apa?" soalnya.

Terdahulu, Anwar menikmati makan tengah hari sambil bera-mah mesra dengan pelanggan dan peniaga Medan Selera Tanglin.

Beliau tiba pada jam 12.45 tengah hari dengan disambut Menteri Komunikasi, Fahmi Fadzil dan Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Kamarulzaman Mat Salleh sebelum menjamu selera sambil menyantuni pengunjung

yang turut bergambar kenang-kenangan dengannya.

Turut hadir, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa.

Selesai makan tengah hari kira-kira 30 minit, Anwar bergerak ke Masjid Tenaga Nasional Berhad (TNB) yang terletak kira-kira 5 kilometer dari Medan Selera Tanglin untuk menunaikan solat Jumaat.



Anwar berswafoto bersama orang ramai ketika hadir pada sesi lawatan ke gerai DBKL di Medan Selera Tanglin, semalam.

(Foto BERNAMA)